

09 MAR 2004

Pilihan raya-BN (Manifesto)

MANIFESTO BN TUMPU KEPADA ASPEK BELA RAKYAT

SUNGAI SIPUT, 9 Mac (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional untuk pilihan raya umum ke 11 pada 21 Mac ini dijangka memberi tumpuan kepada usaha parti pemerintah itu membela rakyat dalam semua aspek kehidupan mereka.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata manifesto baru itu sejajar dengan kepimpinan baru di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kaedah lama menggunakan pendekatan rakyat menyokong BN tetapi kaedah baru menggunakan pendekatan BN membela rakyat. Kepimpinan Abdullah merupakan kerajaan yang berorientasikan rakyat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam sempena hari jadinya yang ke 67, di sini semalam.

Samy berkata manifesto baru itu telah dibincangkan oleh pemimpin BN baru-baru ini dan dijangka akan dilancarkan Abdullah selaku pengerusi BN bila-bila masa selepas hari penamaan calon pilihan raya itu Sabtu ini.

Abdullah menjadikan seruan agar "rakyat bekerja bersama-sama beliau, bukan bekerja untuk beliau" sebagai teras ucapannya pada beberapa siri pertemuan dengan rakyat sebaik saja mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad Oktober lepas.

Ditanya tentang impian hari jadinya, Samy, yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput berkata beliau berharap BN akan kembali berkuasa dengan kemenangan yang lebih besar.

"Dalam politik kita mendoakan kemenangan besar kerana ia amat penting kepada kita (kerajaan yang memerintah)," ujar Samy yang juga Menteri Kerja Raya.

Menurutnya dengan rakyat berdiri teguh di belakang Abdullah yang berperawakan lembut dan dinamik, BN berada di landasan yang betul untuk mencapai kecemerlangan yang lebih besar daripada sebelum ini.

"Saya fikir kita mampu memperolehi kejayaan lebih baik daripada 1995...1995 merupakan tahun yang sangat cemerlang buat BN. Parti-parti pembangkang kini tiada isu untuk dijaja," tambah beliau.

Katanya beberapa faktor akan menyumbang kepada kejayaan BN, termasuk tindakan proaktif kerajaan untuk berkhidmat kepada rakyat dan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi mereka.

Ditanya tentang sokongan pengundi India, Samy berkata BN sentiasa mendapat sokongan padu daripada kaum itu selama ini kerana antara 90 dan 95 peratus daripada mereka adalah penyokong tradisi BN.

Beliau menyifatkan kehadiran beberapa tokoh keturunan India seperti N. Gopalakrishnan dalam parti Keadilan sebagai perjuangan untuk agenda peribadi.

"Gopalakrishnan berada dalam Keadilan untuk matlamat peribadi, bukan untuk kepentingan umum. Bagi kita tiada apa-apa perbezaan jika beliau dalam Keadilan atau lain-lain parti," katanya.

-- BERNAMA

AR AM